

# JPS tambak kawasan pantai

KUALA TERENGGANU 27 Dis. - Kerja menambak di sepanjang Pantai Peranginan Teluk Lipat, Dungun giat dijalankan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri sejak sebulan lalu bagi mengurangkan hakisan ombak yang berlaku.

Pengarahnya, Ir. Mat Hussin Ghani berkata, kerja tersebut akan dijalankan berterusan sehingga Februari tahun depan.

Bagaimanapun, katanya, kerja penambakan itu bersifat sementara dalam menangani masalah hakisan kerana kos bagi membina tembok penghadang sebenar memerlukan lebih tinggi.

“Kita membelanjakan kira-kira RM2 juta untuk membina tembok bongkah batu dan jika mahu membina tembok kekal pula kira-kira RM30 juta diperlukan,” katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau berkata, kerja menambak turut melibatkan sebuah lagi kawasan peranginan iaitu di Pantai Tok Jembal, dekat sini yang juga teruk dihakis ombak besar ekoran fenomena air pasang yang melanda sejak beberapa hari lalu.

Jelasnya, kerajaan negeri juga memohon peruntukan Kerajaan Pusat kira-kira RM15 juta untuk

kerja menambak Pantai Teluk Lipat manakala RM10 juta untuk Pantai Tok Jembal.

“Ia melibatkan kos yang sangat tinggi dan kita masih menunggu peruntukan tersebut,” jelasnya.

Semalam, *Utusan Malaysia* melaporkan sebahagian jalan di Pantai Teluk Lipat ranap ekoran hakisan yang disebabkan fenomena air pasang yang berlaku sejak beberapa hari yang lalu.

Fenomena itu turut memusnahkan puluhan batang pohon Rhu yang terdapat di kawasan peranginan itu selain mengancam operasi peniaga di sepanjang pesisir pantai berkenaan.

Dalam pada itu, tinjauan *Utusan Malaysia* di Pantai Tok Jembal dekat sini juga mendapati, kerja menambak laut turut giat dijalankan di kawasan itu bagi mengurangkan hakisan yang sebelum ini memusnahkan puluhan pokok rhu serta calet murah yang terdapat di sepanjang pantai tersebut.

Selain itu, sebuah kawasan perkuburan yang sebelum ini turut diancam hakisan telah berjaya diselamatkan dengan pembinaan benteng bongkah batu yang siap dibina di sepanjang kawasan itu dua bulan lalu.